

PENGURUSAN SYARIKAT TUJUAN KHAS (SPV)

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan terhadap Syarikat Tujuan Khas (SPV) di bawah Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] yang berperanan melaksanakan fungsi khusus bagi pihak Kerajaan Malaysia. Penubuhan SPV selaras dengan kelulusan YB Menteri Kewangan (YBMK) berdasarkan Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 [*Akta 375*] atau keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri atau keputusan Majlis Tindakan Ekonomi atau Ucapan Belanjawan.
- Pengauditan dijalankan terhadap prestasi aktiviti, amalan tadbir urus korporat dan pengurusan aktiviti SPV bagi tempoh tahun 2018 hingga bulan Jun 2021.
- Dua perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan fungsi khusus. Pencapaian output dinilai melalui prestasi SPV dalam melaksanakan aktivitinya manakala pencapaian fungsi khusus dinilai berdasarkan pencapaian fungsi khusus adalah selaras dengan kelulusan diperoleh.
- Amalan tadbir urus korporat pula melibatkan penilaian pematuhan SPV terhadap peraturan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan)[MKD Handbook] dan Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*].
- Bagi menilai pengurusan aktiviti, lima SPV telah dipilih sebagai sampel mewakili setiap kategori SPV iaitu penerbitan sukuk: DanaInfra Nasional Berhad (Danainfra); pengurusan pembiayaan: Pembinaan PFI Sdn. Bhd. (PPFI); pelaburan strategik: Piramid Pertama Sdn. Bhd. (Piramid); pengambilalihan: Actius Terra Global Holdings Sdn. Bhd. (Actius Terra); dan skim khusus: Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. (PTSB).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Setakat bulan Disember 2021, Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan lebih daripada 50% modal saham berbayar berjumlah RM2.394 bilion dalam 26 SPV.
- Menilai pencapaian dan pelaksanaan fungsi khusus SPV adalah selaras dengan kelulusan yang diperoleh.
- Menilai amalan tadbir urus korporat yang baik.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, lima SPV (20%) telah berjaya mencapai fungsi khususnya manakala 18 SPV (72%) sedang melaksanakan fungsi khususnya. Dua SPV (8%) pula telah berubah hala tuju fungsi khususnya.

- Pematuhan SPV terhadap MKD Handbook sedia ada adalah pada tahap minimum kerana ciri dan kriteria SPV tidak sebagaimana syarikat biasa.
- Pengecualian pemakaian MKD Handbook kepada semua ALP SPV dan Garis Panduan ALP Lantikan Syarikat MKD bagi SPV telah diluluskan oleh YBMK pada 15 Julai 2022.
- Penilaian terhadap pengurusan aktiviti lima sampel SPV mendapati perkara berikut:
 - terdapat perbezaan antara baki dana transaksi jual beli saham yang direkodkan oleh Piramid dengan baki hutang yang direkodkan dalam penyata kewangan Kerajaan Persekutuan;
 - Actius Terra tidak melaksanakan fungsi khusus asal sebaliknya telah bertukar kepada fungsi lain; dan
 - pembayaran tunai berjumlah RM126.50 juta daripada Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (TAWNT) masih belum diterima.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Pihak yang terlibat perlu memberi pertimbangan terhadap syor seperti berikut:
 - memantau pematuhan Garis Panduan ALP Lantikan Syarikat MKD Bagi SPV untuk memastikan amalan tadbir urus korporat yang baik serta aktiviti dapat diuruskan dengan teratur dan cekap;
 - menyelaraskan perbezaan antara baki dana transaksi jual beli saham yang direkodkan oleh Piramid dengan baki hutang yang direkodkan dalam penyata kewangan Kerajaan Persekutuan; dan
 - membuat susulan dengan Pihak Berkuasa Negeri Terengganu mengenai pembayaran pinjaman oleh TAWNT berjumlah RM126.50 juta yang masih belum diterima.